

| | | | |
|------------|-------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Eksport perabot RM7.96b | | |
| MediaTitle | Utusan Sarawak | | |
| Date | 15 Feb 2012 | Color | Full Color |
| Section | EKONOMI | Circulation | 37,981 |
| Page No | e1 | Readership | 113,943 |
| Language | Malay | ArticleSize | 557 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,079 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 6,237 |



Sarawak antara penyumbang utama eksport perabot negara

Eksport perabot RM7.96b

CHRISTINA ULAU

KUCHING, Selasa — Nilai eksport perabot negara pada tahun 2010 ialah RM7.96 bilion berbanding dengan RM5.09 bilion pada tahun 2001 dengan peningkatan nilai import daripada RM0.38 juta kepada RM1.31 bilion untuk tempoh yang sama.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato Sri Douglas Uggah Embas berkata, lebih 90 peratus daripada pengeluaran perabot tempatan ialah dieksport terutama ke Amerika Syarikat, Jepun dan Singapura.

"Menurut perangkaan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) pada tahun 2010, terdapat 1,800 syarikat perabot dengan tenaga pekerja seramai 34,00 orang sekaligus memberi sumbangan yang penting kepada ekonomi negara dari segi tenaga kerja dan pendapatan eksport," katanya.

Beliau berkata demikian ketika Seminar Pembangunan Industri Perabot Sarawak 2012 dan Perjanjian Persefahaman (MOU) antara Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) di sini, hari ini.

Uggah berkata, secara relatifnya, nilai ekport produk bernilai tambah berbanding komoditi pada tahun 2010 untuk Sarawak ialah tiga peratus daripada keseluruhan eksport industri kayu-kayan.

"Jumlah ini masih kecil berbanding dengan Semenanjung Malaysia iaitu sebanyak 74 peratus dan Sabah pula 13 peratus," ujarnya.

Katanya, Sarawak berpotensi menjadi penyumbang utama kepada jumlah eksport perabot negara dengan menghasilkan produk nilai tambah dengan identiti etnik tradisi tempatan bagi pasaran antarabangsa.

"Kita mempunyai banyak tukang ukir yang mahir dalam pelbagai bidang di negeri ini, maka, jika pihak UNIMAS dapat memberi perdedahan lebih tinggi dan latihan kepada mereka, pasti ia dapat meningkatkan tahap kemahiran untuk menghasilkan produk nilai tambah," jelasnya.

Katanya, reka bentuk perabot yang menonjolkan ciri-ciri tempatan serta mencerminkan keunikan nilai dan motif seni etnik atau tradisional harus diketengahkan sebagai strategi pemasaran.

"Dengan adanya kelainan reka bentuk yang ditonjolkan itu, masyarakat antarabangsa akan lebih tertarik dengan kualiti dan keterampilan produk kita dan saya pasti ia akan mencapai harga yang lebih tinggi," tegasnya.

Bagaimanapun katanya, industri perabot negara termasuk Sarawak turut tidak terkecuali daripada menghadapi pelbagai cabaran antaranya, persaingan sengit dengan kuasa ekonomi

bahru seperti negara China, Indonesia dan Vietnam.

"Seterusnya, pengetahuan terkini dan kepakaran mengenai reka bentuk serta teknologi perabot dalam industri pembuatan perabot tempatan masih rendah, penghasilan perabot tempatan secara umumnya masih cenderung ke pasaran sederhana dan ke bawah.

Cabaran terakhir, ketidaktentuan keadaan ekonomi global dan

perubahan yang ketara dalam nilai matawang yang memberi impak kepada kos operasi dan hasil pulangan industri perabot.

"Dasar Perindustrian Kayu Negara (NATIP) telah mengariskan pelbagai strategi untuk menangani isu dan cabaran tersebut, justeru, sasaran dasar ini untuk mengurangkan eksport produk kayu primer seperti kayu balak, kayu bergergaji dan papan lapis kepada 40 peratus sementara produk hiliran bernilai tambah ditingkatkan kepada 60 peratus menjelang tahun 2020," ujarnya.

Seminar Pembangunan Industri Perabot Sarawak 2012 bermula pada 14 hingga 15 Februari anjuran FRIM dengan kerjasama Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), PUSAKA dan UNIMAS. Hadir sama, Pengerusi Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia (MFRDB), Hajah Nancy Haji Shukri, Ketua Pengarah FRIM, Dato' Abd. Latif Mohmod, Pengurus Besar PUSAKA, Datu Haji Sarudu Haji Hoklai, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UNIMAS, Profesor Dr. Peter Songan.

| | | | |
|------------|-------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Eksport perabot RM7.96b | | |
| MediaTitle | Utusan Sarawak | | |
| Date | 15 Feb 2012 | Color | Full Color |
| Section | EKONOMI | Circulation | 37,981 |
| Page No | e1 | Readership | 113,943 |
| Language | Malay | ArticleSize | 557 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,079 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 6,237 |



TERTARIK ... Dato Sri Douglas Uggah Embas sambil ditemai oleh Datu Haji Sarudu Haji Hoklai (tengah) dan Hajah Nancy Haji Shukri mendengar penerangan daripada beberapa peserta pameran mini Seminar Pembangunan Industri Perabot Sarawak 2012 di Kuching, semalam.